

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) di bawah pentadbiran Kerajaan Perikatan Nasional untuk menyelesaikan isu hak milik tanah yang dihadapi lebih 2,200 peneroka di Kelantan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

KESEDAR telah membangunkan 9 buah Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) seluas 14,690 hektar (42 Lot) di Jajahan Gua Musang dengan menempatkan seramai 2,228 peneroka daripada kumpulan miskin.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh KESEDAR dalam menyegerakan pemilikan lot ladang kepada peneroka adalah:

- a) Bagi 31 lot dengan keluasan 12,852 hektar yang telah didaftarkan pemilikan kepada KESEDAR, permohonan pecah sempadan telah dilaksanakan.
- b) Manakala bagi 11 lot dengan keluasan 1,838 hektar yang masih belum dikeluarkan hakmilik kepada KESEDAR, perbincangan susulan dari semasa ke semasa diadakan dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).